

17/02/2001

AIC meterai perjanjian, bekal cip, usaha sama kad pintar

Saidon Idris

AIC Corporation Bhd (AIC), memeterai dua perjanjian berasingan iaitu bagi pembekalan cip separa konduktor dan menubuhkan usaha sama meneroka perniagaan sistem bersepadu penyelesaian kad pintar.

Kedua-dua perjanjian itu, yang dimeterai dengan rakan niaga berasingan di Cyberjaya semalam, dijangka mampu merintis jalan ke arah memperluaskan lagi asas pendapatan AIC, pada masa depan.

Presiden AIC, Mohamad Ariff Puteh berkata, menerusi perjanjian pembekalan dengan National Semiconductor, kumpulan menjangka memperoleh pendapatan antara RM250 juta sehingga RM300 juta dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Sementara itu, penubuhan usaha sama dengan Klettern Pte Ltd (Klettern) dari Jerman pula akan membolehkan AIC meraih perolehan antara RM12 juta sehingga RM15 juta setahun.

"AIC akan menguasai 51 peratus ekuiti dalam usaha sama yang bakal ditubuhkan itu," kata Mohamad Ariff pada sidang akhbar selepas majlis memeterai kedua-dua perjanjian berkenaan.

Pada majlis itu, AIC diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Sarip Hamid; National Semiconductor oleh Naib Presidennya, CS Liu, manakala Klettern oleh Ketua Eksekutif Roth & Partners, Eberhard Roth.

Majlis yang diadakan di Universiti Multimedia Malaysia itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Roth & Partners ialah pemegang saham bagi Klettern.

Mohd Ariff berkata, berikutan termeterainya perjanjian itu, syarikat yakin untuk terus menyaksikan pertumbuhan antara 15 sehingga 20 peratus dalam pendapatannya tahun ini.

Katanya, keuntungan sebelum cukainya juga dijangka bertambah baik. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000 lalu, AIC mencatat perolehan sebanyak RM322.8 juta dengan keuntungan sebelum cukai RM51.5 juta.

Pada majlis itu Perdana Menteri turut melancarkan logo baru AIC di samping pelancaran secara maya kilang litar bersepadu kedua milik anak syarikatnya, AIC Semiconductor Sdn Bhd (AICS) di Kulim, Kedah.

Selain itu, AIC menandatangani perjanjian dengan Universiti Multimedia Malaysia bagi menaja kerusi profesor mikroelektronik di Fakulti Kejuruteraan universiti berkenaan.

Menurut perjanjian itu, AIC akan menyumbang kepada MMU RM400,000 setahun bagi tempoh lima tahun.

Sarip berkata, AIC melabur sebanyak RM20 juta bagi kilang kedua AICS di Kulim, iaitu tambahan kepada pelaburan sebanyak RM180 juta yang sudah dibuat bagi kilang sedia ada.

Beliau berkata, kilang baru itu mampu mengeluarkan 10 juta cip seminggu yang mana 40 peratus daripada jumlah keluarannya adalah bagi dibekalkan kepada National Semiconductor.

(END)